

KENYATAAN MEDIA
UNTUK SIARAN SEGERA

**PHARMANIAGA PASTIKAN BEKALAN VAKSIN COVID-19
SINOVAC UNTUK KANAK-KANAK DAN REMAJA, SERTA
DOS PENGGALAK UNTUK DEWASA MENCUKUPI DI
HOSPITAL DAN KLINIK SWASTA**

SHAH ALAM, 11 NOV 2022 – Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga) meningkatkan usaha memastikan bekalan vaksin COVID-19 Sinovac mencukupi untuk kanak-kanak dan remaja, serta dos penggalak tambahan untuk golongan dewasa di hospital dan klinik swasta terpilih di seluruh negara bagi memenuhi permintaan yang bertambah berikutan peningkatan kes COVID-19 sejak akhir-akhir ini.

Pengarah Urusan Kumpulan Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga) Datuk Zulkarnain Md Eusope berkata kes jangkitan virus COVID-19 semakin meningkat dan menggalakkan orang ramai melakukan langkah pencegahan dengan mengambil vaksin untuk kanak-kanak dan remaja berumur 5 hingga 17 tahun, serta dos penggalak tambahan untuk golongan dewasa yang berumur 18 tahun ke atas.

"Sehingga Oktober 2022, hanya 49% rakyat Malaysia telah mengambil dos penggalak vaksin COVID-19. Bagi memastikan rakyat Malaysia terus mendapat perlindungan yang lebih menyeluruh daripada ancaman virus ini, Pharmaniaga bekerjasama dengan MiCare, syarikat penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan terkemuka di Malaysia, bagi membekalkan vaksin COVID-19 Sinovac kepada orang ramai di 50 hospital dan klinik swasta terpilih.

"Vaksin Sinovac ialah vaksin COVID-19 yang telah nyahaktif dan diberikan melalui suntikan intramuskular. Setiap dos (0.5mL) mengandungi 600 SU (bersamaan dengan 3µg) antigen SARS-CoV-2 yang nyahaktif kepada golongan dewasa dan kanak-kanak. Vaksin ini dibangunkan menggunakan teknologi penyahaktifan virus dan juga digunakan dalam pelbagai jenis vaksin lain yang biasa digunakan di pasaran, termasuk untuk polio, Hepatitis A dan rabies," katanya.

Kajian terbaharu oleh Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) Malaysia yang diterbitkan pada Ogos 2022, menunjukkan bahawa walaupun tiga dos vaksin mRNA mempunyai perlindungan yang lebih baik, tetapi dos penggalak vaksin Sinovac COVID-19 memberikan perlindungan yang sama daripada ancaman COVID-19 yang bergejala berbanding dos penggalak vaksin mRNA kepada mereka yang telah menerima vaksinasi primer vaksin Sinovac.

Selain itu, Datuk Zulkarnain menasihati orang ramai untuk sentiasa mengutamakan penjagaan kesihatan diri dengan mencuci tangan dan memakai pelitup muka. "Walaupun amalan ini adalah secara sukarela tetapi buat masa ini ia amat digalakkan terutama di kawasan tertutup dan sesak," katanya.

Untuk sebarang pertanyaan berkenaan vaksin COVID-19 Sinovac untuk kanak-kanak dan golongan dewasa, sila e-mel contactcentre@pharmaniaga.com atau hubungi **1 800 888 313** untuk maklumat lanjut mengenai pengamal perubatan terdekat di kawasan anda.

Pharmaniaga adalah sayap perniagaan farmaseutikal untuk Kumpulan Boustead Holdings Berhad dan bersama-sama Lembaga Tabung Angkatan Tentera, merupakan pemegang-pemegang saham utama Syarikat.

-TAMAT-

MENGENAI PHARMANIAGA BERHAD

Pharmaniaga Berhad adalah ahli Kumpulan Boustead dan merupakan sebuah syarikat perkhidmatan kesihatan bersepadu yang terbesar di Malaysia. Tersenarai di Bursa Malaysia, teras perniagaan Kumpulan Pharmaniaga adalah logistik dan pengedaran produk farmaseutikal; pembuatan produk farmaseutikal generik dan peranti perubatan; pemasaran dan jualan; penyelidikan dan pembangunan; pembekal dan pemasangan peralatan perubatan, serta farmasi komuniti. Dengan kekuatan dan kepakaran merentasi rantai perkhidmatan kesihatan, operasi perniagaan Kumpulan Pharmaniaga berkembang teguh di Malaysia dan meluaskan pasaran dengan membina tapak di Indonesia dan Vietnam, sekaligus mengukuhkan kedudukan syarikat sebagai peneraju serantau dalam arena farmaseutikal antarabangsa.

Dikeluarkan untuk Kumpulan Pharmaniaga oleh Jabatan Komunikasi Korporat, Pharmaniaga Berhad. Untuk sebarang pertanyaan, hubungi Dato' Najmuddin Abdullah di talian 019-3387777, emel najmuddin@pharmaniaga.com atau Dato' Zuhri Iskandar Kamarzaman di talian 03-3342 9999 samb. 434, email zuhri@pharmaniaga.com.